



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 1 FEBRUARI 2022

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 1 Februari 2022 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh: **3,187 kes** (2,787,190 kes kumulatif, 96.9%)
- Kes baharu : **5,566 kes** (2,876,324 kes kumulatif);
- Kes import : **227 kes** [101 warganegara (44.5%); 126 bukan warganegara (55.5%)];
- Kes tempatan : **5,339 kes** [5,194 warganegara (97.3%); 145 bukan warganegara (2.7%)];
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **113 kes** (90 kes disahkan COVID-19; 23 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);
- Kes memerlukan bantuan pernafasan: **59 kes** (40 kes disahkan COVID-19; 19 kes disyaki, kemungkinan, dan kes dalam siasatan);

- Jumlah kluster : **6,434 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **7 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **6,116 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **318 kluster**.

Daripada **5,566 kes** harian yang dilaporkan pada hari ini;

- **51 kes (0.9 peratus)** adalah kategori 3, 4, dan 5; dan
- **5,515 kes (99.1 peratus)** lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

Perincian nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 1** yang disertakan bersama kenyataan media ini. Manakala, maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web COVIDNOW di <https://covidnow.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini pada jam 12:00 tengah malam setiap hari.

Jadual 1: Nilai R_t Mengikut Negeri Berdasarkan Kes Yang Dilaporkan Pada 31 Januari 2022

NEGERI	NILAI R_t
Kedah	1.17
Johor	1.17
Negeri Sembilan	1.16
WP Putrajaya	1.15
Pulau Pinang	1.14
WP Kuala Lumpur	1.13
Selangor	1.12
Melaka	1.11
Sabah	1.11
Kelantan	1.09
Perak	1.05
Pahang	1.04
Terengganu	0.96
Perlis	0.00
WP Labuan	0.00
Sarawak	0.00
MALAYSIA	1.15

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang sesak, sempit, dan sembang dengan jarak yang dekat);
- **Amalkan 3W:** (Amalkan *Wash, Wear, and Warn*);
- Sentiasa memakai **pelitup muka** di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka berganda adalah digalakkan;
- **Amalkan TRIIS** (*Trace, Report, Isolate, Inform, and, Seek*) sebelum menghadiri aktiviti sosial atau sekiranya bergejala; dan
- **Dapatkan vaksin COVID-19** bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius dan bilangan kes kematian

Bagi yang langsung belum menerima vaksin namun tidak pernah dijangkiti COVID-19, anda kini berada dalam kumpulan paling berisiko mendapat jangkitan COVID-19. Nasihat KKM agar segeralah mendaftar dan mendapatkan vaksin COVID-19. Bagi yang telah mendaftar, KKM memohon agar anda hadir ke temu janji tersebut demi melindungi diri anda dan orang tersayang.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. KKM akan memastikan langkah

pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

1 Februari 2022 @ 6:30 petang